

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April 2001

AAW 321 - Perakaunan Kewangan Lanjutan I

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

Soalan 1 (25 markah)

Berikut adalah imbangan duga untuk NTT Sdn. Bhd pada 31 Disember 2000.

	Debit RM	Kredit RM
Jualan		100,000
Pendapatan sewa		5,000
Keuntungan daripada jualan aset tetap		1,000
Belian	60,000	
Belanja gaji	10,000	
Belanja susutnilai	6,000	
Belanja operasi lain	2,000	
Belanja faedah untuk pinjaman bank	2,000	
Belanja faedah untuk pajakan kewangan	500	
Belanja faedah untuk pinjaman bon	3,000	
Aset tetap pada kos	60,000	
Susutnilai aset tetap terkumpul		18,000
Penghutang	6,000	
Stok pada 1 Januari 2000	20,000	
Pemiutang		4,000
Tunai dan baki bank	3,000	
Keuntungan tertahan pada 1 Januari 2000		44,500
	172,500	172,500

Maklumat tambahan:

- (i) Stok akhir pada 31 Disember 2000 bernilai RM30,000.
- (ii) Belanja cukai sebanyak RM12,000 belum diperuntukkan.
- (iii) Belanja gaji terbahagi kepada:
 - Bahagian penghantaran RM2,500
 - Bahagian pentadbiran RM7,500
- (iv) Belanja susutnilai terbahagi kepada:
 - Bahagian penghantaran RM2,000
 - Bahagian pentadbiran RM4,000

Dikehendaki:

- (a) Sediakan Penyata Pendapatan NTT Sdn. Bhd. mengikut cara “nature of expense” sepertimana yang ditakrifkan dalam MASB 1.

[10 markah]

[AAW321]

- ...3/-
- (b) Sediakan Penyata Pendapatan NTT Sdn. Bhd. mengikut cara “function of expense” sepertimana yang ditakrifkan dalam MASB 1. Nota untuk cara ini diperlukan, dan
[10 markah]
- (c) Senaraikan butir-butir minimum yang mesti dipersembahkan di dalam Penyata Pendapatan menurut MASB 1.
[5 markah]

Soalan 2 (25 markah)

Pada 30 Jun 2000, Pengarah SGG Sdn. Bhd. telah mengumumkan rancangan untuk menamatkan operasi kilang pengeluaran komputer di Pulau Pinang. Satu program untuk menjual kilang, mesin dan aset tetap lain telah dibuat dan dijangka akan selesai pada 31 Mac 2001. Syarikat meneruskan operasi pengeluaran dan jualan komputer di antara 1 Julai 2000 dan 31 Mac 2001.

Data kewangan untuk SGG Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

- (i) Keputusan operasi untuk tahun semasa

	Bahagian Komputer RM'000	Bahagian Lain RM'000
Jualan		
– 1 Januari 2000 hingga 30 Jun 2000	80,000	360,000
– 1 Julai 2000 hingga 31 Disember 2000	40,000	400,000
	120,000	760,000
Keuntungan operasi sebelum percukaian		
- 1 Januari 2000 hingga 30 Jun 2000	20,000	120,000
- 1 Julai 2000 hingga 31 Disember 2000	8,000	124,000
	28,000	244,000

- (ii) Kadar cukai adalah 28% pada keuntungan operasi.
- (iii) Pada 30 Jun 2000, syarikat menjangka bahawa kerugian untuk pelupusan kilang, mesin dan aset tetap lain adalah sebanyak RM30,000,000.
- (iv) Jualan untuk barang-barang siap dari 1 Januari 2001 hingga 31 Mac 2001 dijangka akan mendatangkan keuntungan sebanyak RM4,000,000.
- (v) Keputusan operasi pengeluaran komputer telah dimasukkan ke dalam segmen perkilangan industri dan segmen geografi domestik pada tahun-tahun lalu.

...4/-

Dikehendaki:

- (a) Terangkan cara perakaunan untuk penamatan operasi kilang pengeluaran komputer di Pulau Pinang sepertimana yang ditakrifkan dalam MASB 3. [10 markah]
- (b) Deraf Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 mengikut keperluan MASB 3, dan [10 markah]
- (c) Deraf satu nota kepada Penyata Pendapatan berhubung dengan operasi yang ditamatkan. [5 markah]

Soalan 3 (25 markah)

Pada 1 Januari 1995, ATT Bhd. memperolehi 70% kepentingan modal saham dalam BKK Sdn. Bhd. dengan harga RM10 juta. Pada tarikh tersebut, aset bersih BKK Sdn. Bhd. menunjukkan nilai saksama dan keuntungan tertahan berjumlah RM2 juta.

Penyata Pendapatan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999

	ATT Bhd. RM'000	BKK Sdn. Bhd. RM'000
Jualan	24,800	17,872
Kos Jualan	<u>(15,000)</u>	<u>(9,200)</u>
Keuntungan kasar	9,800	8,672
Pendapatan dividen daripada BKK Sdn. Bhd. (kasar)	2,250	0
Pendapatan faedah daripada BKK Sdn. Bhd.	160	0
Pendapatan sewa daripada BKK Sdn. Bhd.	120	0
Yuran pengurusan daripada BKK Sdn. Bhd.	60	0
Perbelanjaan	<u>(5,400)</u>	<u>(4,200)</u>
Keuntungan bersih sebelum percukaian	6,990	4,472
Tolak: Percukaian	<u>(1,957)</u>	<u>(1,252)</u>
Keuntungan bersih selepas percukaian	5,033	3,220
Tolak: Dividen yang dicadangkan	<u>(2,500)</u>	<u>(2,314)</u>
Keuntungan tertahan tahun semasa	2,533	906
Keuntungan tertahan pada 1 Januari 1999	<u>6,227</u>	<u>5,360</u>
Keuntungan tertahan pada 31 Disember 1999	<u>8,760</u>	<u>6,266</u>

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 1999

	ATT Bhd. RM'000	BKK Sdn. Bhd. RM'000
Modal saham RM1 setiap satu	20,000	10,000
Keuntungan tertahan	8,760	6,266
Pinjaman daripada ATT Bhd.	<u>0</u>	<u>2,000</u>
	<u>28,760</u>	<u>18,266</u>
Aset tetap	16,535	16,970
Pelaburan dalam BKK Sdn. Bhd.	10,000	0
Pinjaman kepada BKK Sdn. Bhd.	2,000	0
Stok	4,300	3,500
Penghutang	2,000	2,500
Dividen belum diterima	1,620	0
Bank	140	1,630
Pemiutang	(3,135)	(2,420)
Percukaian	(2,200)	(1,600)
Dividen yang dicadangkan	<u>(2,500)</u>	<u>(2,314)</u>
	<u>28,760</u>	<u>18,266</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Dalam tahun berakhir 31 Disember 1999, ATT Bhd. menjual barangan kepada BKK Sdn. Bhd. dengan harga inbois berjumlah RM4,000,000. Daripada jualan tersebut, RM1,000,000 masih berada sebagai stok akhir BKK Sdn. Bhd. pada 31 Disember 1999. Stok akhir yang sama pada tahun 1998 adalah RM800,000. Margin keuntungan untuk ATT Bhd. adalah 10% atas harga jualan.
- (ii) ATT Bhd. memberi pinjaman berjumlah RM2 juta kepada BKK Sdn. Bhd. dengan kadar faedah 8% setahun. ATT Bhd. juga menyewa satu bangunan kepada BKK Sdn. Bhd. dengan sewa bulanan sebanyak RM10,000. ATT Bhd. memberi perkhidmatan pengurusan kepada BKK Sdn. Bhd. dengan yuran sebanyak RM60,000 setahun.
- (iii) Andaikan kadar cukai adalah 28%. Abaikan perakaunan kesan cukai (cukai tertunda).

Dikehendaki:

- (a) Sediakan Penyata Pendapatan Disatukan untuk ATT Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 1999, dan

[13 markah]

...6/-

- (b) Sediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk ATT Bhd. pada 31 Disember 1999.

[12 markah]

Soalan 4 (25 markah)

- (1) Sahabat Berhad mempunyai modal saham dibenarkan sebanyak 1,500,000 saham biasa RM1 setiap satu dan 500,000 saham biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar penuh. Syarikat memutuskan untuk menerbitkan 500,000 saham biasa RM1 setiap satu kepada orang awam dengan harga RM1.50 setiap satu. Pembayaran adalah seperti berikut:

	Sesaham RM
Semasa permohonan	0.40
Perumpukan (termasuk premium RM0.50)	0.80
Panggilan pertama	0.20
Panggilan terakhir	0.10
	1.50

- (i) Wang permohonan telah diterima seperti berikut pada 1 Februari 2000.

Kelas	Jenis permohonan	Bilangan pemohon	Saham yang dipohon	Wang permohonan yang diterima RM
A	Pemohon untuk 1,000 saham	300	300,000	120,000
B	Pemohon untuk 5,000 saham	60	300,000	120,000
C	Pemohon untuk 10,000 saham	20	200,000	80,000
			800,000	320,000

- (ii) Pihak pengarah syarikat telah memutuskan untuk menerima semua permohonan kelas C dan baki permohonan diumpukkan secara 1 saham untuk setiap 2 saham yang dipohon bagi kelas A dan B. Wang lebihan semasa permohonan digunakan untuk membayar wang perumpukan.
- (iii) Semua wang perumpukan telah diterima pada 15 Februari 2000.
- (iv) Panggilan pertama telah dibuat pada 1 April 2000 dan semua wang panggilan pertama telah diterima pada 15 April 2000.

...7/-

- (v) Panggilan terakhir telah dibuat pada 1 Jun 2000 dan semua wang panggilan terakhir telah diterima pada 15 Jun 2000 kecuali wang panggilan daripada 5 orang pemohon kelas A yang telah dirampas. Saham yang dirampas kemudiannya telah diterbitkan semula dengan harga RM1.50 sesaham dibayar penuh.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan jurnal am untuk urusan di atas. [7 markah]

- (b) Rekodkan urusan di atas di dalam akaun lejar yang bersesuaian. [7 markah]

- (2) Cahaya Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat pengilang alat elektrik. Semua keluaran syarikat dijual tertakluk kepada tempoh waranti selama 2 tahun. Syarikat ini telah memperakaunkan cukai tertunda mengikut kaedah liabiliti. Liabiliti cukai tertunda pada 31 Disember 1999 berjumlah sebanyak RM560,000. Kadar cukai adalah tetap pada 28% untuk tahun 1999 dan 2000.

Maklumat berikut telah diperolehi untuk Cahaya Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2000.

	2000 RM'000
Tuntutan elaun modal	1,200
Belanja susutnilai	800
Peruntukan belanja waranti tahun semasa	2,000
Belanja waranti yang dibayar tahun semasa	400
Cukai pendapatan kena bayar	1,500

Dikehendaki:

- (c) Kirakan baki cukai tertunda pada 31 Disember 2000 untuk Cahaya Sdn. Bhd., dan [5 markah]

- (d) Sediakan nota untuk percukaian dan cukai tertunda dalam penyata kawangan Cahaya Sdn. Bhd. [6 markah]